



Kursus Pengurusan Organisasi MPKK Siri I Sesi 2009/2010

Oleh : Norharnila bt Rusli

Kursus Pengurusan Organisasi MPKK Siri I Sesi 2009/2010 (KPO) adalah merupakan kursus wajib yang dianjurkan oleh pihak Pengurusan Kolej-kolej Kediaman UniMAP kepada ahli Majlis Penghuni Kolej Kediaman yang dilantik setiap sesi. Objektif utama penganjuran kursus seperti ini adalah untuk meningkatkan semangat kerjasama antara kumpulan serta meningkatkan kemahiran berkomunikasi. Selain daripada itu, melalui kursus ini juga dapat merapatkan hubungan antara pemimpin pelajar MPKK yang baru dilantik. Pemantapan fizikal serta mental para pemimpin baru MPKK dalam menghadapi cabaran dunia kepimpinan mahasiswa turut menjadi objektif utama penganjuran kursus ini.

KPO yang dianjurkan pada 29 hingga 31 Januari 2010 telah diadakan dengan jayanya di Kem Palas , Titi Hayun, Yan, Kedah Darul Aman. KPO Siri I yang melibatkan seramai 58

orang peserta dari kalangan ahli MPKK serta 14 orang staf sebagai tenaga penggerak keseluruhan perjalanan kursus tersebut. Kursus ini disediakan dengan pengisian slot-slot yang pelbagai seperti Latihan Dalam Kumpulan (LDK), Jungle Trekking dan banyak lagi. Selain daripada itu, peserta turut diberi pendedahan tip-tip penganjuran program yang baik di kolej kediaman. Kursus yang berlangsung selama 3 hari dan 2 malam itu turut menguji para peserta dengan bermalam di dalam khemah selain setiap ahli kumpulan bertanggung jawab dalam penyediaan makanan sepanjang kursus tersebut. Para peserta hanya dibekalkan dengan bahan mentah yang sangat terhad.

Penghujung kursus tersebut, pihak pengajur yakin ahli MPKK sesi 2009/2010 yang baru dilantik telah dibekalkan dengan ilmu kepimpinan yang mencukupi untuk menghadapi cabaran kepimpinan mahasiswa masakini.

